

Karpal Minta Parlimen Benarkan Pemilihan Senat

mStarOnline

24 Mei, 2013

Oleh SIMREN KAUR

GEORGE TOWN: Pengerusi DAP, Karpal Singh meminta Parlimen supaya menggubal undang-undang bagi membolehkan pemilihan Senat di semua negeri.

Beliau pada Jumaat berkata, ini menurut Perkara 45(4)(b) Perlembagaan Persekutuan, yang membenarkan setiap negeri mengadakan pemilihan awam bagi melantik Senator.

Karpal berkata, beliau akan mencadangkan penggubalan undang-undang tersebut di Parlimen menerusi Rang Undang-Undang Ahli Persendirian.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/5/24/mstar_berita/20130524125105&sec=mstar_berita